

Headline **Tiga NGO nikmati geran Microsoft RM1.7 juta**  
Date **10 Aug 2010**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Sentral**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **6**  
Article Size **158 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,961**  
PRValue **20,883**



## Tiga NGO nikmati geran Microsoft RM1.7 juta

**K**UALA LUMPUR: Microsoft Malaysia menyerahkan sumbangan geran berjumlah RM1.7 juta kepada tiga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebagai sokongan bagi pertubuhan itu menjalankan program kemahiran dan latihan teknologi.

Jumlah berkenaan diberikan dalam bentuk tunai dan sistem perisian kepada The Young Women Christian Association (YWCA), Yayasan Salam Malaysia (YSM) dan Mercy Malaysia menerusi geran Microsoft's Unlimited Potential-Community Technology Skills Program (UP-CTSP) bagi 2010 hingga 2011.

Dijangkakan, lebih 29 pusat komuniti pembelajaran teknologi bakal menerima faedah daripada geran berkenaan, selain memberi peluang pekerjaan kepada seramai lebih 20,000 orang menerusi NGO berkenaan.

Pengarah, Perundangan dan Hal Ehwal Korporat, Microsoft Malaysia, Jasmine Begum, berkata sumbangan berbentuk geran itu sudah diperkenalkan sejak Mei 2003 dengan jumlah peruntukan bernilai lebih RM900 juta kepada pelbagai program di 100 negara.

"Di Malaysia, Microsoft menyumbangkan wang tunai dan perisian berjumlah lebih RM3.1 juta sejak 2004 menerusi pelbagai NGO di seluruh negara.

"Menerusi program ini, Microsoft menggunakan latihan teknologi bagi mencipta peluang sosial dan ekonomi yang boleh mengubah kehidupan komuniti.

"Bagi YWCA dan YSM, menerima perisian dan sejumlah wang tunai, manakala Mercy pula akan menerima geran perisian keseluruhannya. UP-CTSP



Jasmine Begum

memfokuskan latihan pembangunan untuk modal insan dan pekerjaan dengan menyediakan latihan dalam teknologi maklumat," katanya selepas menyerahkan geran berkenaan kepada tiga wakil NGO berkenaan di Microsoft, KLCC, baru-baru ini.

Ketua Pegawai Operasi YSM, Md Ghani Ibrahim, berkata sumbangan berkenaan akan disalurkan kepada aktiviti melatih wanita kurang bernasib baik, yang akan menyediakan mereka dengan peluang pekerjaan dengan rakan projek atau menjadi usahawan.

"YSM bersyukur kerana sekali lagi berpeluang menerima geran ini selepas 2004. Latihan ini membolehkan mereka menerokai perniagaan dalam IT dan membantu membangunkan komuniti dalam kelompok mereka," katanya.

Bendahari Kehormat Mercy Malaysia, Amran Mahzan, berkata geran dalam bentuk perisian itu akan digunakan untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan ICT dalam misi memberikan bantuan kemanusiannya.